

15 JAN 1999

Mahathir - Spratly

MALAYSIA TIDAK MAHU AMERIKA CAMPUR TANGAN ISU SPRATLY

ALOR SETAR, 15 Jan (Bernama) -- Malaysia tidak mahu Amerika campur tangan dalam tuntutan bertindih oleh beberapa negara di Asia bagi kepulauan Spartly, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata pertikaian berhubung hak milik kepulauan yang kaya dengan hasil minyak itu harus diselesaikan di antara negara-negara yang menuntut itu.

"Tidak perlu bagi Amerika campur tangan dalam soal tuntutan itu, kita boleh menyelesaikan sesama kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Islam Al Bukhary di sini.

Beliau diminta mengulas laporan bahawa Amerika bersedia menjadi orang tengah menyelesaikan tuntutan itu. Kepulauan Spartly dituntut sebahagian atau sepenuhnya oleh China, Filipina, Vietnam, Taiwan, Malaysia dan Brunei.

Amerika dilaporkan telah mencadangkan satu mesyuarat bersama beberapa negara yang menuntut kepulauan itu bagi mengurangkan ketegangan di perairan itu. Filipina dilaporkan akan mengatur mesyuarat itu yang turut disertai China dan Amerika.

Filipina baru-baru ini mendapatkan sokongan antarabangsa bagi menghentikan apa yang dilihat sebagai perluasan pengaruh China di kepulauan itu.

Ditanya pemberita tentang hasrat Filipina mengadakan mesyuarat itu, Dr Mahathir berkata itu terpulang kepada negara berkenaan tetapi Malaysia tetap berpendirian tidak mahu pihak lain campur tangan.

Mengulas mengenai dakwaan media asing kononnya Malaysia tidak mempunyai dana mencukupi untuk membiayai pertumbuhan ekonominya, Dr Mahathir berkata media asing boleh berkata apa yang mereka suka.

"Mereka sebenarnya iri hati kepada negara ini kerana Malaysia tidak meminta tolong (pinjaman memulihkan ekonomi) dan kita boleh hidup sempurna. Mereka hendak kita merangkak minta tolong dan dengan itu mereka dengan mudah dapat menekan kita," katanya.

"Dia (media asing) boleh kata apa mereka suka, tetapi apakah nampak kemiskinan di kalangan rakyat kita. Kita boleh hidup, rakyat hidup dengan sempurna perniagaan jalan dengan baik.

"Kita berjaya jual 42,000 unit rumah yang bernilai RM3.8 bilion dalam masa sebulan (semasa kempem pemilikan rumah). Saya nak tanya di mana tempat lain yang boleh mencatatkan kejayaan macam itu, termasuk negeri orang yang cakap itu," katanya.

Diminta mengulas laporan sebuah akhbar hari ini bahawa satu panel bebas akan ditubuhkan menyiasat kecederaan yang dialami oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu dan kerajaan juga belum membuat keputusan berhubung panel itu.

Beberapa pihak mendesak kerajaan menubuhkan panel bebas itu setelah Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah menyatakan bahawa polis bertanggungjawab terhadap sebahagian daripada kecederaan yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu.

Anwar dilaporkan mempunyai kesan lebam semasa ditahan polis selepas mengadakan demonstrasi di ibu kota berikutan pemecatan beliau daripada kerajaan dan UMNO.

Laporan akhbar itu yang memetik sumber menyebut bahawa kerajaan akan mengumumkan tidak lama lagi penubuhan panel bebas untuk menyiasat kecederaan Anwar itu.

-- BERNAMA
MZM SA MAI